

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan satu per satu secara terperinci jumlah kos membaiki pejabat anggota kabinet 69 orang Menteri dan Timbalan Menteri dari tempoh 2020 hingga kini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Penyelenggaraan Pejabat-Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri merupakan salah satu dari keperluan dalam pengurusan fasiliti sesebuah bangunan. Ini bagi memastikan semua fasiliti dan kemudahan di pejabat-pejabat tersebut akan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik dan kekal berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Justeru itu, penyelenggaraan bagi Pejabat-Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa.

2. Dalam hal ini, antara kos penyelenggaraan yang terlibat adalah membaik pulih sistem pendawaian yang rosak, siling yang rosak, karpet dan perabot yang usang, serta memasang sistem telesidang video di pejabat dan bilik mesyuarat anggota pentadbiran. Sepanjang tahun 2020

NO. SOALAN : 30

dan 2021, sebanyak 14 Kementerian/Jabatan telah membuat kerja-kerja penyelenggaraan berkala dengan kos keseluruhan adalah sebanyak RM 4.004 juta.

3. Kementerian dan Jabatan yang terlibat adalah:

BIL	KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH KOS (RM)
1	Jabatan Perdana Menteri	1,073,580.00
2	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	365,240.00
3	Kementerian Kesihatan Malaysia	49,242.00
4	Kementerian Sumber Manusia	205,191.10
5	Kementerian Perpaduan	589,618.00
6	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	425,130.00
7	Kementerian Belia dan Sukan	17,225.00
8	Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan	8,500.00
9	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	398,604.13
10	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	118,793.00
11	Kementerian Pertahanan Malaysia	123,864.00
12	Kementerian Kewangan	227,375.00
13	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	9,612.00
14	Kementerian Wilayah Persekutuan	392,202.34
JUMLAH		4,004,176.57

Sekian, terima kasih.